

PENDAKWA SYARIE LWN NOOR WAHIDA BT AHMAD AZRI [2013] 3 SHLR 116

Jasri Jamal

jasri@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor.

FAKTA KES

Kes ini ialah kes jenayah syariah di bawah seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, iaitu perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah. Orang Kena Tuduh (OKT) telah ditangkap bersama pasangannya di dalam sebuah kereta dalam keadaan yang mengaibkan. OKT telah membuat pengakuan bersalah dan memohon kepada mahkamah untuk mengurangkan bayaran denda kerana OKT masih lagi belajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Hakim bicara telah memutuskan hukuman mensabitkan kesalahan OKT di bawah seksyen ini dan menjatuhkan hukuman tahanan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Selangor selama enam bulan. Antara alasan penghakiman yang telah dibuat ialah kesalahan yang dilakukan oleh OKT adalah sangat serius dan OKT telah pun mengaku bersalah.

Namun yang menariknya hakim bicara telah menyebut dalam alasan penghakiman bahawa OKT memohon supaya dikurangkan hukuman denda yang dikenakan kepada OKT dalam keadaan OKT seolah-olah tidak serius dan dengan nada yang bersahaja tanpa memperlihatkan keinsafan tentang kesalahan yang telah dilakukan. Malah OKT masih lagi boleh senyum-senyum dan ketawa. Hakim Mohd Nazri Yusof ShSCJ telah menulis dalam alasan penghakimannya:

Sikap yang sedemikian adalah tidak wajar ditunjukkan kepada mahkamah, walau pun andai kata OKT sekarang mempunyai sebanyak RM3000 untuk bayaran denda. Sikap ini jelas menunjukkan bahawa OKT sebenarnya tidak pernah menginsafi dengan perlakuannya seperti dalam pertuduhan.

Hakim Bicara menambahkan lagi:

Sekiranya OKT hanya dijatuhi hukuman denda sahaja, adalah dibimbangi bahawa OKT ini akan mengulanginya lagi di masa akan datang. Oleh itu

mahkamah memerintahkan bahawa OKT ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Selangor selama enam bulan mengikut peruntukan di bawah seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang dibaca bersama dengan seksyen 97(2)(b) Enakmen Tatacara Jenayah (Terengganu) 2001.

ISU

1. Persoalan yang perlu dijawab oleh hakim bicara ialah adakah perintah yang dikeluarkan hakim bicara itu adalah dianggap sah mengikut undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri Terengganu?
2. Adakah Mahkamah Rendah Syariah Terengganu telah melangkaui bidang kuasa yang telah ditetapkan dalam seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 yang memperuntukkan hukuman hanya setakat 3 tahun penjara, RM5000 denda atau enam kali sebatan atau gabungan kedua-dua atau ketiga-tiga hukuman tersebut?
3. Adakah hukuman itu sebagai hukuman tambahan terhadap hukuman yang sedia wujud?
4. Adakah hukuman terhadap OKT dianggap hukuman alternatif atau hukuman ganti atau hukuman tambahan bagi tujuan untuk memberikan keinsafan kepada OKT seperti yang selalu diamalkan oleh mahkamah sivil dengan menghantar remaja ke rumah kebajikan bagi tujuan pemulihan?

Hakim bicara menggunakan peruntukan Seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 yang memperuntukkan:

Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana perempuan atas sesuatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

Hakim bicara sekali menegaskan peruntukan seksyen 97 (2) (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyatakan:

(b) memerintahkan pesalah itu ditahan di suatu rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi 6 bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; atau ...

Namun begitu tiada penjelasan lanjut oleh hakim bicara tentang peruntukan ini dan hanya menyatakan bahawa OKT ditahan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Selangor selama enam bulan berkuat kuasa serta-merta.

ULASAN KES

Kes yang dinyatakan tersebut merupakan suatu kes jenayah syariah yang melibatkan OKT telah dituduh dan dijatuhi hukuman. Hukuman yang telah dijatuhkan kepada OKT seolah-olah OKT telah bersalah dan dihantar ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Selangor bagi tujuan hukuman. Kes ini menimbulkan beberapa persoalan undang-undang yang perlu dijawab.

1. Adakah hukuman oleh mahkamah syariah ini dianggap sebagai hukuman alternatif kepada pesalah syariah supaya mereka tidak dijatuhkan hukuman pemenjaraan atau denda?

Persoalan yang perlu dijawab ialah adakah dengan mengkomitkan pesalah atau orang kena tuduh (OKT) ke Pusat Perlindungan Wanita itu sebagai hukuman alternatif kepada mahkamah syariah. Atau adakah hukuman tersebut difikirkan perlu sebagai tambahan? Persoalan ini cukup penting kerana OKT yang diperintahkan oleh mahkamah syariah ke pusat perlindungan tersebut adalah dianggap sebagai pesalah dan rekodnya sebagai banduan syariah masih wujud di mahkamah. Andai kata OKT itu sebagai pelajar IPTA atau kakitangan awam adalah dengan itu dianggap sebagai satu kesalahan jenayah syariah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh IPTA atau badan kerajaan di bawah tindakan tata tertib? Persoalan ini perlu dijawab dan diteliti oleh para penggubal undang-undang syariah di Malaysia agar tujuan yang baik ini tidak akan berakhir dengan ketidakadilan kepada OKT.

Menurut Mohamad Nasser Disa dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Perintah Pemulihan sebagai Hukuman Alternatif” menyatakan bahawa konsep ini berbeza daripada konsep perintah khidmat masyarakat dan Parol yang dilaksanakan di bawah undang-undang sivil. Hal ini demikian kerana perintah pemulihan ini hanya untuk kesalahan di bawah Akta/ Enakmen Negeri-Negeri dan hendaklah terpakai kepada pesalah yang sabit kesalahannya di bawah apa-apa kesalahan syariah atau kesalahan di bawah Akta 303.

Jika dilihat dalam sistem penjara yang diamalkan di Malaysia juga dikenali sebagai Perintah Kehadiran Wajib Pesalah merupakan salah satu

alternatif daripada hukuman pemenjaraan yang dijatuhkan oleh mahkamah kepada pesalah, tanpa menjejaskan kehidupan pesalah dalam masyarakat. Perintah Kehadiran Wajib termaktub dalam Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 [Akta 461] di bawah pengurusan dan pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia.

Dalam Perintah ini mahkamah akan mengarahkan pesalah melaporkan diri setiap hari di pusat kehadiran wajib untuk melaksanakan kerja kepentingan masyarakat dan mengikuti program pemulihan tidak melebihi empat jam sehari. Pesalah akan diselia pegawai pusat kehadiran wajib di pusat-pusat yang telah ditetapkan di seluruh negara. Pesalah yang melakukan kesalahan ringan diberikan pilihan menjalankan kerja khidmat masyarakat tanpa kehilangan pekerjaan. Pesalah kes jenayah ringan masih terus dapat meneruskan pekerjaan asal dan menanggung keluarga mereka. Tujuannya:

1. Memberikan peluang kepada pesalah yang melakukan kesalahan ringan menjalankan kerja khidmat kepada masyarakat sebagai proses pemulihannya.
2. Membantu pesalah mengekalkan pekerjaannya dan sumber pendapatan keluarga walaupun menjalani hukuman Perintah Kehadiran Wajib.
3. Membantu pesalah mengekalkan peranan dan tanggungjawabnya dalam keluarga tanpa menjejaskan kehidupan pesalah dalam masyarakat.
4. Mengurangkan impak *prisonization* terhadap pesalah bagi kes hukuman ringan.

Obligasi Pesalah

Semua pesalah dikehendaki melaporkan diri kepada pegawai pusat kehadiran wajib di pusat-pusat kehadiran wajib yang ditetapkan apabila dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Hukuman tidak melebihi tiga bulan, manakala remitan 1/6 daripada hukuman dan kerja wajib ang dilaksanakan tidak melebihi empat jam sehari (tidak termasuk masa rehat, makan, minum, perjalanan).

Contoh Kerja Bagi Perintah Kehadiran Wajib

1. Bekerja bersama-sama kakitangan kerajaan tempatan atau PBT untuk membersihkan kawasan persekitaran bandaran dan sebagainya.

2. Bekerja di hospital atau pusat kesihatan awam dalam membantu orang sakit yang berusia dan lain-lain.
3. Bekerja di tempat rekreasi, tandas serta kemudahan awam, padang permainan kanak-kanak serta premis kerajaan.
4. Bekerja di rumah ibadat, rumah kebajikan dan rumah anak yatim dan jagaan khas.
5. Menghadiri kelas syarahan, kelas motivasi dan ceramah yang berkaitan kerjaya.
6. Menghadiri kursus jangka pendek di pusat latihan seperti di CIDB, TEKUN Nasional serta kursus jangka pendek yang ditaja dan pusat latihan kemahiran kerajaan.
7. Kerja-kerja lain yang didapati sesuai oleh pegawai kehadiran wajib di daerah berkenaan.

Oleh itu jika mahkamah syariah ingin mengikuti sistem parol yang dilaksanakan sebagai hukuman alternatif maka perincian dan penghalusan berkaitan hal ini perlu disegerakan. Persoalannya:

1. Siapakah yang akan memikul tanggungjawab ini?
2. Adakah hukuman ini telah menyebabkan mahkamah syariah telah melangkaui bidang kuasa yang ada pada mahkamah syariah?

Sebagaimana yang diketahui bahawa bidang kuasa jenayah mahkamah syariah adalah ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Mahkamah Syariah 1965 (pindaan) 1984 apabila mahkamah syariah hanya berbidang kuasa terhadap orang Islam dengan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun atau sebatan tidak melebihi enam kali sebatan atau gabungan kedua-dua atau ketiga-tiganya sekali. Persoalannya dengan hukuman tambahan mengkomitkan OKT ke rumah kebajikan telah menyebabkan mahkamah syariah telah melangkaui bidang kuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah syariah dalam bidang kuasa asalnya. Adakah perintah mengkomitkan pesalah seolah-olah sebagai satu bentuk pemenjaraan kepada pesalah?.

3. Apakah peruntukan hukuman di bawah seksyen 68 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ... Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang

perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.”

4. Apakah maksud frasa “... Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman ...?”

Hakim bicara yang menjatuhkan hukuman ini tidak menerangkan dalam alasan penghakimannya berkaitan dengan frasa di atas. Perkara ini amat penting kepada hakim yang bersidang untuk menerangkan dan menjelaskan maksud frasa tersebut dalam alasan penghakimannya. Adakah sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada hukuman yang telah dinyatakan dalam Akta Mahkamah Syariah (pindaan) 1984?

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* perkataan sebagai ganti bermaksud “berganti dengan mengikut, aturan, bertukar-tukar; memberi ganti (benda yang telah hilang dll). Perkataan tambahan pula ialah lebih-lebih lagi 1. Sesuatu yang ditambahkan pada imbuhan, tokok; peraturan-peraturan dan... peraturan 2. Sesuatu (surat, keterangan, dll) yang dilampirkan, lampiran, pelengkap).

Jika diteliti maksud *Kamus Dewan Edisi Keempat* perkataan sebagai ganti atau tambahan tersebut bukannya mengurangkan hukuman tetapi adalah sebagai hukuman tambahan kepada hukuman yang telah sedia ada.

Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (negeri Selangor) 2003 (En. 3/03) berkaitan peruntukan (seksyen) yang mempunyai kaitan dengan rumah kebajikan dan juga hukuman alternatif (selain penjara, denda dan sebat). Seksyen 96:

- (2) (a) membuang pertuduhan atau aduan itu selepas apa-apa teguran atau amaran kepada pesalah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah; (b) memerintahkan pesalah itu ditahan di **suatu rumah kebajikan** yang diluluskan oleh majlis selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah; atau ...

Perkataan suatu rumah kebajikan juga mengelirukan kerana Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan Selangor bukanlah suatu rumah kebajikan yang dimaksudkan. Operasi pusat tersebut lebih berbentuk pemulihan kepada pelatih. Kemasukan ke pusat ini juga bukan hanya perintah daripada mahkamah syariah semata-mata tetapi berdasarkan kesediaan OKT secara sukarela untuk dipulihkan sama ada untuk diri sendiri atau dihantar oleh

ahli keluarga. Adakah suatu rumah kebajikan yang dimaksudkan dalam Enakmen ini bermaksud rumah kebajikan di bawah selenggaraan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia?

KESIMPULAN

Pelaksanaan hukuman alternatif oleh mahkamah syariah masih baharu dan kabur. Para hakim dan pengamal undang-undang syariah tidak mempunyai kefahaman dan latihan berkaitan dengan hal ini. Apatah lagi dengan sistem sokongan hukuman alternatif yang masih teraba-raba. Jika ada pun Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam dan Baitul Iman di Kuala Kubu Baru yang asalnya rumah pemulihan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor. Temu bual yang dilakukan hanya Majlis Agama Islam Terengganu yang mempunyai perjanjian persefahaman dengan Majlis Agama Islam Selangor.

Perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh semua kerajaan negeri dan mahkamah syariah bagi mengelakkan pesalah syariah dijatuhi hukuman penjara kerana cara pemulihan mereka adalah sangat berbeza seperti yang difahami oleh pengamal undang-undang syariah. Malahan para hakim mahkamah syariah masih berbelah bagi untuk menjatuhkan hukuman alternatif disebabkan beberapa perkara yang masih belum dapat difahami sepenuhnya. Hukuman alternatif boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk dan bukan tertumpu pada hukuman pemenjaraan dan denda semata-mata. Beberapa kombinasi hukuman alternatif boleh dilaksanakan seperti penangguhan hukuman, denda, *probation* dan khidmat masyarakat. Hukuman alternatif yang disarankan bertujuan mengelakkan pesalah dihantar ke penjara bagi tujuan tertentu. Diharapkan matlamat ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih jelas dan berkesan sekali.